A **KERAJAAN MALAYSIA lwn. TIMBANG MAKMUR SDN BHD**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
SURAYA OTHMAN H
[GUAMAN SIVIL NO: 21-93-2010]
19 MEI 2015

B

UNDANG-UNDANG HASIL: *Cukai keuntungan harta tanah – Notis taksiran – Kegagalan menjelaskan cukai – Sama ada notis dihantar kepada pihak yang sepatutnya menjelaskan cukai – Sama ada rayuan dibuat kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dalam masa yang ditetapkan – Sama ada taksiran dibuat*
C *dalam tempoh lima tahun selepas akhir tahun taksiran – Sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan isu kesahihan taksiran cukai keuntungan harta tanah dan had masa – Sama ada plaintif berhak menuntut cukai melalui prosiding tindakan sivil sebagai hutang kepada Kerajaan – Sama ada sijil perakuan bukti mencukupi tentang jumlah cukai yang terhutang – Akta*
D *Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, ss. 15(1), 16(1)(b), 18, 20, 48(1) & 52(1)*

HAD MASA: *Cukai keuntungan harta tanah – Notis taksiran – Sama ada taksiran dibuat dalam tempoh lima tahun selepas akhir tahun taksiran – Sama ada terdapat unsur frod atau keingkaran sengaja – Sama ada defendan ingkar mematuhi peruntukan memfailkan borang taksiran dalam tempoh 30 hari dari*
E *tarikh pemerolehan – Sama ada tuntutan plaintif dihalang oleh had masa – Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, ss. 15(1) & 16*

Satu notis taksiran cukai keuntungan harta tanah bagi tahun 1998 bertarikh 7 Februari 2006 telah dikeluarkan terhadap defendan selaku pemeroleh 500,000 unit saham dalam Mines Wonderland Sdn Bhd. Memandangkan
F kedua-dua pihak pemeroleh dan pelupus gagal mengemukakan borang cukai keuntungan harta tanah ('CKHT'), iaitu, CKHT 1 dan CKHT 2 dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pelupusan, maka satu notis taksiran dikeluarkan di bawah s. 16(1)(b) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 ('Akta CKHT'). Tindakan ini telah difailkan oleh plaintif atas kegagalan
G defendan untuk menjelaskan cukai yang perlu dibayar sebanyak RM1,812,217. Pihak plaintif berhujah, antara lain, bahawa (i) defendan tidak mengemukakan rayuan bertulis melalui Borang Q dalam masa 30 hari selepas penerimaan notis taksiran; (ii) kenaikan sebanyak 10% dikenakan di bawah s. 21(4) Akta CKHT atas kegagalan defendan untuk membayar cukai
H dalam masa 30 hari; dan (iii) sijil perakuan di bawah s. 48(1) Akta CKHT telah dikeluarkan terhadap defendan. Sebaliknya, defendan telah membangkitkan bantahan awal bahawa notis taksiran adalah cacat kerana defendan dinyatakan sebagai pulupus dan bukan pemeroleh di dalam notis tersebut. Tambahan, defendan menyatakan bahawa obligasinya terhad
I kepada penyerahan borang CKHT2 untuk memudahkan taksiran cukai yang perlu dibayar oleh pihak yang boleh dikenakan cukai. Selain daripada itu, adalah dihujahkan bahawa tuntutan plaintif dihalang oleh had masa

memandangkan pihak plaintif telah membangkitkan isu taksiran terhadap defendan selepas enam tahun. Merujuk kepada s. 15(1) Akta CKHT, pihak defendan telah menegaskan bahawa taksiran perlu dibuat dalam tempoh lima tahun selepas akhir tahun taksiran dan oleh kerana tahun taksiran di dalm tindakan ini adalah 1998, maka plaintif sepatutnya membuat taksiran dalam tempoh 1999 sehingga 2003. Isu-isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan adalah (a) sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan isu berkenaan kesahihan taksiran cukai keuntungan harta tanah; (b) sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan isu berkenaan had masa untuk plaintif membangkitkan taksiran terhada defendan selaku pemeroleh di bawah s. 15 Akta CKHT; dan (c) sama ada defendan telah gagal membayar sepenuhnya cukai yang ditaksirkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran diserahkan kepada defendan.

Diputuskan (membenarkan tuntutan plaintif dengan kos):

(1) Borang CKHT2 menunjukkan bahawa defendan adalah pemeroleh dan bukannya pelupus. Defendan juga telah mengetahui bahawa notis taksiran cukai dibangkitkan terhadapnya atas kapasiti selaku pemeroleh memandangkan defendan telah memfailkan borang CKHT2 sebagai pemeroleh. Oleh itu, tiada kekeliruan wujud di mana defendan tidak mengetahui bahawa mereka boleh dikenakan cukai selaku pemeroleh. Tambahan, berdasarkan s. 52(1)(a) Akta CKHT, kecacatan di dalam notis taksiran dengan menamakan defendan selaku pelupus tidak fatal dan kecacatan tersebut tiada kesan terhadap kesahihan notis taksiran memandangkan notis telah dikeluarkan kepada "orang yang kepadanya ia dialamatkan itu dan mana-mana orang lain yang disebutkan di dalamnya itu ditetapkan mengikut tujuan dan persefahaman bersama". Dengan itu, bantahan awal defendan ditolak. (perenggan 12-17)

(2) Defendan mempunyai hak membuat rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan di bawah s. 18 Akta CKHT 1976 dan defendan sepatutnya membuat rayuan kepada Pesuruhjaya tersebut sebelum kes ini difailkan di mahkamah. Walau bagaimanapun, defendan tidak memfailkan sebarang rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan berkenaan notis taksiran yang dibangkitkan terhadap defendan selaku pemeroleh. Berdasarkan peruntukan s. 20 Akta CKHT 1976, tanpa rayuan, taksiran jumlah cukai tersebut menjadi muktamad dan konklusif dan defendan dianggap berhutang dan hutang tersebut boleh dikutip melalui tindakan sivil. Oleh itu, mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan kesahihan taksiran cukai keuntungan harta tanah yang dibangkitkan oleh plaintif terhadap defendan di bawah s. 16 Akta. Isu tersebut seharusnya diputuskan oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan. (perenggan 22, 25 & 26)

(3) Menurut s. 15(1) Akta CKHT, taksiran perlu dibuat dalam tempoh lima tahun selepas akhir tahun taksiran. Oleh sebab tahun taksiran adalah 1998, maka plaintif perlu membuat taksiran dalam tempoh 1999 sehingga 2003. Walaupun begitu, di bawah s. 15(2) Akta, plaintif dibenarkan membangkitkan taksiran walaupun ianya dibuat selepas enam tahun, sekiranya terdapat elemen frod ataupun keingkaran sengaja. Defendan telah gagal untuk membuktikan bahawa tiada elemen frod ataupun keingkaran sengaja. Berdasarkan fakta, defendan telah dengan sengaja ingkar mematuhi peruntukan memfailkan borang taksiran dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemerolehan menurut s. 16 Akta CKHT. Oleh itu, plaintif mempunyai hak untuk membangkitkan taksiran melebihi enam tahun selaras dengan s. 15(2). Walau bagaimanapun, mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan isu had masa untuk plaintif membangkitkan taksiran terhadap defendan jika terdapat elemen keingkaran sengaja. (perenggan 29, 30, 33 & 36)

(4) Notis taksiran telah diserahkan kepada defendan secara serahan kediri kepada wakil defendan. Defendan juga tidak menafikan menerima notis taksiran tersebut. Oleh itu, cukai harus dibayar menurut peruntukan s. 21(1) Akta CKHT. Plaintif berhak untuk menuntut cukai melalui prosiding tindakan sivil sebagai hutang kepada Kerajaan disebabkan kegagalan defendan untuk menjelaskan cukai menurut notis taksiran tersebut. (perenggan 37 & 41)

(5) Plaintif telah mengemukakan sijil perakuan yang dikeluarkan di bawah s. 48(1). Sijil perakuan telah membuktikan pematuhan kepada peruntukan s. 48(1) Akta di mana sijil tersebut telah ditandatangani oleh PW3. Walaupun terdapat kesilapan nama defendan di dalam sijil itu, ianya tidak menjadikan sijil tersebut sebagai tidak sah kerana PW3 mengesahkan bahawa sijil tersebut ditujukan kepada defendan. Tambahan, menurut s. 52 Akta CKHT, kesilapan ejaan nama defendan tidak membatalkan sijil perakuan tersebut. Sijil perakuan yang dikeluarkan di bawah s. 48 Akta CKHT adalah bukti yang mencukupi tentang jumlah cukai yang terhutang oleh pihak defendan (*Government of Malaysia v. Dato' Mahindar Singh*; dirujuk). (perenggan 45, 47, 50 & 52)

Kes-kes yang dirujuk:

Arumugam Pillai v. Government of Malaysia [1975] 1 LNS 2 FC ***(dirujuk)***
Government of Malaysia v. Abdul Rahman [1974] 1 LNS 40 HC ***(dirujuk)***
Government of Malaysia v. Dato' Mahindar Singh [1995] 1 LNS 323 HC ***(dirujuk)***
Government of Malaysia v. KPM Modal Sdn Bhd [2002] 6 CLJ 221 HC ***(dirujuk)***
Government of Malaysia v. Lee Tain Tshung [1991] 2 CLJ 1520; [1991] 2 CLJ (Rep) 664 HC ***(dirujuk)***
Kerajaan Malaysia v. Dato' Ghani Gilong [1995] 3 CLJ 161 FC ***(dirujuk)***
Kerajaan Malaysia v. Ong Kar Beau [2003] 1 LNS 188 HC ***(dirujuk)***
NTS Arumugam Pillai v. Government of Malaysia [1976] 1 LNS 79 FC ***(dirujuk)***

Sun Man Tobacco Co Ltd v. Government of Malaysia [1973] 1 LNS 144 FC ***(dirujuk)*** A
Teng Chua Huat v. Government of Malaysia [1999] 7 CLJ 358 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Real Property Gains Tax Act 1976, ss. 13(1), 15(1), (2), 16(1)(b), 18(1), 20, 21(1), (4), 23(1), 29(3)(a), 48(1) 52(1)(a)

Bagi pihak plaintif - Noor Kamaliah Mohamad Japeri (Noor Faezah Zainoddin bersamanya); Peguam-peguam Persekutuan B
Bagi pihak defendan - Ramesh Lachmanan; T/n Tunku Munawwir, Chin & Solomon

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

C
PENGHAKIMAN

Suraya Othman H:

Fakta Ringkas

[1] Plaintif adalah Kerajaan Malaysia yang beralamat di Lembaga Hasil Dalam Negeri, Cawangan Pungutan, Unit Undang-Undang, Tingkat 16 Kanan, Blok 8A, Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Duta, 50600 Kuala Lumpur. D

[2] Defendan adalah merupakan sebuah syarikat sendirian berhad yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftar di 10th Floor, Block C, The Mines Waterfront Business Park 3, Jalan Tasik, The Mines Resort City, 43300 Seri Kembangan, Selangor. E

[3] Satu notis taksiran cukai keuntungan harta tanah bagi tahun 1998 bertarikh 7 Februari 2006 telah dikeluarkan terhadap defendan selaku pemeroleh 500,000 unit saham dalam Mines Wonderland Sdn Bhd berjumlah RM1,497,700. F

[4] Notis taksiran tersebut dikeluarkan di bawah s. 16(1)(b) Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (Akta 169) ("Akta CKHT 76") memandangkan kedua-dua pihak pemeroleh dan pelupus gagal) mengemukakan borang cukai keuntungan harta tanah ("CKHT") iaitu CKHT 1 dan CKHT 2 dalam tempoh 30 hari daripada tarikh pelupusan. G

[5] Borang CKHT 1 perlu difailkan oleh pelupus dan borang CKHT 2 difailkan oleh pemeroleh. Defendan kemudian telah gagal membuat bayaran cukai tersebut dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis taksiran dikeluarkan. H

[6] Oleh itu plaintif telah memfailkan tuntutan terhadap defendan menuntut:

(a) jumlah RM1,812,217 yang merupakan cukai keuntungan harta tanah yang dikenakan bagi tahun 1998 termasuk penalti-penalti yang dibenarkan dikenakan di bawah Akta; I

(b) faedah atas jumlah RM1,812,217 pada kadar 8% setahun dari tarikh penghakiman sehingga realisasi;

(c) kos guaman; dan

(d) apa-apa relif yang disifatkan sesuai oleh mahkamah.

Kes Plaintif

[7] Plaintif telah diwakili oleh peguam-peguam persekutuan, Puan Noor Kamilah Mohamad Japeri dan Puan Noor Faezah Zainoddin. Plaintif telah mendakwa, antara lain, bahawa:

(a) Bagi tahun taksiran 1998, defendan telah ditaksirkan dengan cukai keuntungan harta tanah atas permerolehan 500,000 unit saham dalam Mines Wonderland berjumlah RM1,497,700;

(b) Defendan telah dikenakan penalti di bawah s. 29(3)(a) Akta CKHT 76 sejumlah RM149,770 untuk tahun taksiran tersebut menjadikan cukai kena dibayar berjumlah RM1,647,470.;

(c) Defendan telah menerima notis taksiran tersebut dan tidak mempertikaikannya;

(d) Tiada rayuan bertulis melalui borang Q dikemukakan oleh defendan dalam tempoh 30 hari selepas penerimaan notis taksiran;

(e) Defendan gagal membayar cukai tersebut dalam masa 30 hari dan kenaikan 10% dikenakan di bawah s. 21(4) Akta CKHT 76; dan

(f) Jumlah keseluruhan cukai kena dibayar adalah RM1,812,217. Sijil perakuan di bawah s. 48(1) Akta tersebut telah dikeluarkan terhadap defendan. Oleh itu, tuntutan plaintif adalah untuk jumlah keseluruhan cukai kena dibayar berjumlah RM1,812,217.

Kes Defendan

[8] Defendan diwakili oleh Encik Ramesh Lachmanan. Defendan telah mendakwa, antara lain, bahawa:

(a) Notis taksiran tahun 1998 adalah defektif kerana defendan bukanlah seorang yang dikenakan cukai ("chargeable person") menurut Akta CKHT 76 kerana defendan adalah seorang pemeroleh ("acquirer") saham-saham dan bukan pelupus ("disposer") seperti dicatit di dalam notis taksiran tersebut;

(b) Obligasi defendan hanya terhad kepada penyerahan borang CKHT 2 untuk memudahkan taksiran cukai yang kena dibayar oleh orang yang boleh dikenakan cukai;

(c) Notis taksiran dikeluarkan selepas enam tahun dari tahun taksiran yang relevan dan oleh itu dihalang oleh had masa; dan

(d) Pembayaran kepada notis harus dibuat kepada akaun syarikat Mines Resort City Sdn Bhd kerana mereka adalah syarikat pelupus saham-saham tersebut.

Jawapan Plaintif

[9] Plaintif telah menjawab dakwaan defendan dan, antara lain, menyatakan bahawa:

(a) Isu-isu taksiran hanya boleh diputuskan di hadapan pesuruhjaya khas cukai pendapatan;

(b) Seksyen 16(1) Akta CKHT 76 secara jelas memberi kuasa pengenaan cukai ke atas pemeroleh iaitu defendan untuk membayar cukai tertunggak dalam keadaan di mana pemeroleh dan pelupus gagal mengemukakan borang nyata dalam tempoh yang ditetapkan;

(c) Sebarang rayuan hendaklah dibuat di hadapan pesuruhjaya cukai pendapatan yang mana defendan gagal berbuat demikian;

(d) Tindakan plaintif tidak tertakluk kepada Akta Had Masa 1953. Seksyen 15(2) membenarkan plaintif membangkitkan taksiran walaupun selepas enam tahun.

Bantahan Awal

[10] Plaintif telah memanggil tiga orang saksi manakala defendan memanggil seorang saksi. Saksi-saksi adalah seperti berikut.

PW1 : Encik Rosman bin Mohamad
Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Tindakan Khas
Lembaga Hasil Dalam Negeri ("LHDN")

PW2 : Puan Fathiah Hj Daud
Pegawai Eksekutif (Penaksiran) LHDN

PW3 : Encik Shaufee Salleh
Pengarah Bahagian Pungutan Syarikat, Jabatan Cukai Korporat, LHDN

DW1 : Encik Tan Hun Lim
Pengurus Kewangan Kumpulan (Cukai) di Country Heights Holding Bhd

[11] Peguam defendan Encik Ramesh Lachmanan telah membangkitkan bantahan awal bahawa notis taksiran bertarikh 7 Februari 2006 (P7) ("notis tersebut") berjumlah RM1,497,700 adalah cacat/tidak teratur kerana nama defendan di bahagian bawah notis taksiran adalah selaku pelupus ("disposer") dan bukan selaku pemeroleh ("acquirer"). Defendan telah pada 2 Februari 2005 memfailkan CKHT 2 (P3A). Dalam borang CKHT 2 defendan telah menyatakan seperti berikut:

A

> Kami Timbang Makmur Sdn Bhd (Company No 243845-X) adalah dengan ini memberitahu bahawa kami telah pada 25.9.1998 bersetuju memperolehi suatu asset yang boleh dikenakan cukai daripada Mines Resort City Sdn Bhd dan dengan ini mengaku bahawa penyata ini dan butir-butir yang diberi di dalam ini adalah benar dan lengkap.

B

[12] Jelas daripada kandungan Borang CKHT 2, defendan adalah pemeroleh dan bukan pelupus. Notis taksiran tersebut telah dialamatkan kepada defendan, Timbang Makmur Sdn Bhd, di alamat A-9-1 Tingkat 9, Block A, The Mines Waterfront Business Park 3, Jalan Tasik, 43300 Seri Kembangan, Selangor.

C

[13] Saksi PW1 dan PW2 memberi keterangan bahawa arahan telah dikeluarkan kepada Unit Cukai Keuntungan Harta Tanah, Jabatan Cukai Korporat LHDN untuk membangkitkan taksiran cukai ke atas defendan selaku pemeroleh. Defendan juga mengetahui fakta bahawa notis taksiran cukai dibangkitkan ke atas defendan atas kapasiti selaku pemeroleh dalam transaksi tersebut memandangkan defendan telah memfailkan borang CKHT 2 bertarikh 2 Februari 2005 sebagai pemeroleh.

D

[14] Di bawah s. 52(1)(a) Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976 (Akta 169) ("Akta CKHT 76") menyatakan sedemikian:

E

> Errors and defects in assessments, etc.:
>
> 52. (1) No assessment, notice or other document purporting to be made or issued for the purposes of this Act shall be quashed or deemed to be void or voidable for want of form, or be affected by any mistake, defect or omission therein, if-
>
> F
>
> (a) it is in substance and effect in conformity with or according to the intent and meaning of this Act; and
>
> (b) the person to whom it is addressed and any other person referred to therein are designated according to common intent and understanding.

G

[15] Dari pembacaan s. 52(1)(a), kecacatan di notis taksiran tersebut menamakan defendan selaku pelupus dan bukan pemeroleh tidak fatal dan kecacatan tersebut tiada kesan terhadap kesahihan notis taksiran tersebut memandangkan notis telah dikeluarkan kepada "orang yang kepadanya ia dialamatkan itu dan mana-mana orang lain yang disebutkan di dalamnya itu ditetapkan mengikut tujuan dan persefahaman bersama" (the person to whom it is addressed and any other person referred to therein are designated according to common intent and understanding).

H

[16] Dalam situasi sedemikian, defendan, seperti dikatakan sebelum ini, telah mengetahui fakta bahawa notis taksiran cukai dibangkitkan ke atas defendan atas kapasiti selaku pemeroleh dalam transaksi tersebut

I

memandangkan defendan telah memfailkan borang CKHT 2 bertarikh 2 Februari 2005. Dari itu tiada kekeliruan bahawa defendan tidak mengetahui bahawa mereka boleh dikenakan cukai selaku pemeroleh.

[17] Dari itu, saya memutuskan bahawa isu bantahan awal tentang kecacatan notis taksiran tersebut (P7) adalah tidak fatal dan tidak menjadikan (P7) sebagai tidak sah. Oleh itu, bantahan awal oleh Encik Ramesh Lachmanan ditolak.

Isu-Isu Untuk Dibicarakan

[18] Isu-isu untuk dibicarakan yang dipersetujui oleh kedua pihak adalah:

(a) Sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa bagi memutuskan isu berkenaan kesahihan taksiran cukai keuntungan harta tanah bertarikh 7 Februari 2006 yang dikeluarkan terhadap defendan selaku pemeroleh di bawah s. 16(1)(b) Akta CKHT 76;

(b) Sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa bagi memutuskan isu berkenaan had masa untuk plaintif membangkitkan taksiran terhadap defendan selaku pemeroleh di bawah peruntukan s. 15 Akta CKHT 76;

(c) Sama ada defendan telah gagal membayar sepenuhnya cukai yang ditaksirkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis taksiran diserahkan kepada defendan.

Isu 1: Sama Ada Mahkamah Mempunyai Bidang Kuasa Memutuskan Isu Berkenaan Kesahihan Taksiran Cukai Keuntungan Harta Tanah Bertarikh 7 Februari 2006 Yang Dikeluarkan Terhadap Defendan Selaku Pemeroleh Di Bawah s. 16(1)(b) Akta CKHT 76

[19] Seksyen 16(1)(b) Akta CKHT 76 memperuntukkan:

1) Where in a case to which section 13 applies-

(a) the consideration on the disposal of a chargeable asset consists of another asset (whether chargeable or not);

(b) there is a failure by both the disposer and the acquirer to submit a return to the Director General in the prescribed form as required under section 13; or

(c) the consideration on the disposal of a chargeable asset is for the purposes of the Act the market value of the asset,

the Director General may make on the acquirer an assessment of an amount equal to the amount of the tax payable by the disposer.

[20] Seksyen 13(1) Akta CKHT 76 menyatakan:

(1) Every chargeable person who disposes of a chargeable asset and every person who acquires the asset so disposed of shall, within

A sixty days (or such further period as the Director General may allow on a written request being made to him) of the date of disposal of that asset, make a return-

(a) specifying in respect of the asset disposed of the acquisition price, the disposal price and the gain or loss on the disposal;

B (b) furnishing all information necessary to determine the acquisition price and disposal price of the asset disposed of; and

(c) where the market value of the asset is to be taken for the purposes of this Act, submit a written valuation of the asset by

C a valuer.

[21] Dalam kes *Teng Chua Huat v. Government Of Malaysia* [1999] 7 CLJ 358, mahkamah memutuskan:

[1] Assessment of tax by the Revenue can never be construed as a triable issue. Section 23(1) of the Real Property Gains Tax Act 1976 ('the Act') enacts that tax due and payable may be recovered by

D the government by civil proceedings as a debt due to the government whilst s. 23(3) of the Act provides that the court may not entertain any plea which disputes the amount of tax sought to be recovered. Further, s. 21(1) of the Act provides that upon being served with the notice of assessment, the tax shall be due and

E payable whether or not the person assessed appeals against the assessment. Thus, the question whether the assessment itself was proper or otherwise was not for this court to determine.

[2] The present appeal came up to this court by way of an appeal from the decision of the Magistrate Court. There was no referral at all

F to the Special Commissioners of Income Tax. Pursuant to s. 18 of the Act, a person aggrieved by an assessment should appeal to the Special Commissioners of Income Tax before coming to this court by way of a case stated. Without a doubt the appellant can be classified as a person aggrieved by the assessment and thus he should have adopted the course provided by s. 18 of the Act.

G

[22] Daripada otoriti di atas, adalah jelas bahawa defendan mempunyai hak membuat rayuan kepada pesuruhjaya khas cukai pendapatan di bawah s. 18 Akta CKHT 76 dan defendan sepatutnya membuat rayuan kepada pesuruhjaya tersebut sebelum memfailkan kes ini di mahkamah.

H **[23]** Seksyen 18(1) menyebut:

Right of appeal

18. (1) A person aggrieved by an assessment made on him may appeal to the Special Commissioners against the assessment in the same manner as an appeal against an assessment of income tax

I

made under the Income Tax Act 1967, and sections 99, 100, 101, 101(1A), 101(1B), 101(1C) and 102 of that Act, as far as they are applicable and with the necessary modifications, shall apply to an appeal against an assessment made under this Act as if-

(a) every reference in those sections to income tax or to tax were a reference to real property gains tax; and

(b) every reference in those sections to income were a reference to chargeable gains.

[24] Dalam satu kes lain, *Sun Man Tobacco Co Ltd v. Government Of Malaysia* [1973] 1 LNS 144; [1973] 2 MLJ 163, Mahkamah Persekutuan memutuskan berikut:

> In place of a Board of Review we now have the Special Commissioners of Income Tax. It is open to a taxpayer to go before them and prove that he is not liable to assessment. The doors of justice are not shut to him merely because the claimant is the Government, but he has to enter the doors of the Special Commissioners first to raise the plea of non-observance of the principle of natural justice or to establish that the Director-General acted arbitrarily and in a non judicial manner. It is only after he has availed himself of that remedy as laid down by the law that he has a right to come to the courts.
>
> ... In my opinion the learned judge was right in this instant case where he said that if the taxpayer wished to dispute that the amount of tax sought to be recovered is excessive, incorrectly assessed, under appeal or incorrectly increased under section 103(4) or (5) he has to do so by way of appeal to the Special Commissioners.

[25] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, defendan tidak memfailkan apa-apa rayuan yang diperuntukkan di bawah s. 18 kepada pesuruhjaya khas cukai pendapatan terhadap notis taksiran yang dibangkitkan terhadap defendan selaku pemeroleh. Saksi PW1 mengesahkan tidak menerima sebarang rayuan melalui borang Q daripada defendan. Oleh yang demikian, berdasarkan peruntukan s. 20 Akta, tanpa rayuan, taksiran amaun cukai tersebut menjadi muktamad dan konklusif dan defendan dianggap berhutang dan hutang tersebut boleh dikutip melalui tindakan sivil. (rujuk kes *Teng Chua Huat v. Government Of Malaysia* (*supra*).

[26] Justeru, mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa memutuskan kesahihan taksiran cukai keuntungan harta tanah yang dibangkitkan oleh plaintif ke atas defendan di bawah peruntukan s. 16 Akta. Isu tersebut seharusnya diputuskan oleh pesuruhjaya khas cukai pendapatan. Mahkamah ini bukanlah forum yang tepat untuk memutuskan isu berkenaan.

Isu Kedua: Sama Ada Mahkamah Ini Mempunyai Bidang Kuasa Bagi Memutuskan Isu Berkenaan Had Masa Untuk Plaintif Membangkitkan Taksiran Terhadap Defendan Selaku Pemeroleh Di Bawah Peruntukan s. 15 Akta CKHT 76

[27] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, defendan telah memperoleh sejumlah 500,000 unit saham daripada Mines Wonderland Sdn Bhd pada 25 September 1998 dan plaintif hanya membangkitkan taksiran terhadap defendan pada 7 Februari 2006. Taksiran cukai tersebut dibangkitkan selepas enam tahun melebihi apa yang diperuntukkan di bawah s. 15 Akta CKHT 76.

[28] Seksyen 15(1) Akta CKHT 76 menyatakan:

> (1) The Director General, where in respect of any year of assessment it appears to him that no or no sufficient assessment has been made on a person chargeable with the tax, may within five years after the end of that year of assessment make on that person whatever assessment or additional assessment he considers to be appropriate.

[29] Menurut s. 15(1), taksiran perlu dibuat dalam tempoh lima tahun selepas akhir tahun taksiran. Oleh sebab tahun taksiran adalah 1998, maka plaintif perlu membuat taksiran dalam tempoh 1999 sehingga 2003. Oleh kerana taksiran dibuat pada tahun 2006, maka defendan membangkitkan isu had masa.

[30] Walaupun begitu, di bawah sub-sekyen (2) seksyen 15 tersebut, diperuntukkan bahawa plaintif dibenarkan membangkitkan taksiran walaupun taksiran dibuat selepas enam tahun sekiranya terdapat elemen frod ataupun keingkaran sengaja.

[31] Seksyen 15(2) menyatakan:

> Additional assessments
>
> 15. (1)
>
> (2) The Director General, where it appears to him that a person chargeable with the tax has been guilty of any form of fraud or wilful default in connection with or in relation to the tax, may at any time make an assessment in respect of that person for the purpose of making good any loss of the tax attributable to the fraud or wilful default.

[32] Encik Ramesh berhujah bahawa isu frod atau keingkaran sengaja ("wilful default") tidak dibangkitkan oleh plaintif dalam pliding plaintif. Selepas semakan dibuat, saya mendapati isu ini telah dibangkitkan dalam jawapan plaintif kepada penyata pembelaan terpinda defendan di perenggan 1(f).

[33] Selain dari itu, saksi PW1 dalam keterangan telah menyatakan bahawa defendan tidak mengisytiharkan pemerolehan unit saham tersebut dan plaintif hanya mengetahui mengenainya selepas siasatan dijalankan pada 8 Julai 2004. Dalam keadaan ini, defendan telah gagal membuktikan bahawa tiada elemen frod ataupun keingkaran sengaja. Dari itu, jelas defendan telah dengan sengaja ingkar mematuhi peruntukan memfailkan borang taksiran dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemerolehan menurut s. 16 Akta. Oleh itu plaintif mempunyai hak membangkitkan taksiran melebihi enam tahun selaras dengan s. 15(2) Akta.

[34] Merujuk kepada kes *Kerajaan Malaysia v. Dato Ghani Gilong* [1995] 3 CLJ 161, Hakim Mahkamah Persekutuan, Edgar Joseph Jr, menyatakan:

> The plea of limitation based on s. 91(1) and (3) Income Tax Act 1967 by a taxpayer cannot be entertained by the High Court. Only the Special Commissioners have the power to do so. If otherwise, a decision by the High Court on the question of limitation would prevent the Special Commissioners from deciding the same question as they would regard themselves as bound by the decision of the High Court thereby abdicating their fact finding function of determining whether there has been fraud or wilful default under s. 91(3)(a) Income Tax Act.

[35] Dalam kes lain, *NTS Arumugam Pillai v. Government of Malaysia* [1976] 1 LNS 79; [1976] 2 MLJ 72, mahkamah memutuskan seperti berikut:

> (1) limitation as such does not apply to any proceedings by the Government for the recovery of any tax;
>
> (2) the words "within twelve years" in section 91(3) of the Income Tax Act, 1967, are irrelevant where there has been any wilful default on the part of the taxpayer in disclosing part of his income for any particular year of assessment;

[36] Jelas dari kedua-dua otoriti yang dinyatakan di atas dan fakta kes bahawa mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan isu had masa untuk plaintif membangkitkan taksiran terhadap defendan jika terdapat elemen keingkaran sengaja.

Isu ketiga: Sama ada defendan telah gagal membayar sepenuhnya cukai yang ditaksirkan dalam tempoh 30 hari dari notis taksiran diserahkan kepada defendan

[37] Dalam kes ini notis taksiran cukai telah diserahkan kepada defendan secara serahan kediri kepada wakil defendan iaitu Encik Lee Chen Yow, No. KP 760718-14-5893 pada 7 Februari 2006 dan bukti penerimaan pada eks. P8. Defendan juga tidak menafikan menerima notis taksiran tersebut. Oleh itu cukai harus dibayar menurut peruntukan s. 21(1) Akta CKHT 76.

[38] Seksyen 21(1) Akta CKHT 76 memperuntukkan:

> **Payment of the tax**
>
> 21.(1) Subject to this section, the tax payable under an assessment shall, on the service of the notice of assessment on the person assessed, be due and payable at the place shifted in that notice whether or not that person appeals against the assessment.

[39] Rujukan dibuat juga kepada s. 23(1) Akta CKHT 76 yang menyatakan:

> **Recovery by suit**
>
> 23.(1) Tax due and payable may be recovered by the Government by civil proceedings as a debt due to the Government.

[40] Dalam kes *Arumugam Pillai v. Government of Malaysia* [1975] 1 LNS 2; [1975] 2 MLJ 29 Mahkamah Persekutuan telah menggariskan prinsip undang-undang seperti berikut:

> the effect of the relevant provisions of the Income Tax Act is that on service of a notice of assessment on the person assessed to tax the tax payable under the assessment becomes due and payable, whether or not the person appeals against the assessment, which tax can then be recovered by the Government by civil proceedings as a debt due to the Government and that on such civil proceedings being brought by the Government the court has no power to entertain any plea that the amount of the tax sought to be recovered is excessive, incorrectly assessed, under appeal or incorrectly increased.

[41] Oleh kerana kegagalan defendan menjelaskan cukai menurut notis taksiran bertarikh 7 Februari 2006, maka plaintif berhak menuntut cukai tersebut melalui prosiding tindakan sivil sebagai satu hutang kepada kerajaan.

[42] Dalam kes *Government of Malaysia v. Abdul Rahman* [1974] 1 LNS 40 mahkamah memutuskan:

> Since the amount was not paid within thirty days further penalties were added and since that was not paid civil proceedings were brought to recover the tax as a debt due to the Government.

[43] Dan juga kes *Government of Malaysia v. KPM Modal Sdn Bhd* [2002] 6 CLJ 221, mahkamah Tinggi memutuskan:

> After receipt of that notice of assessment, the taxpayer should pay the tax due within thirty days irrespective of whether or not the taxpayer appeals against the said assessment (see s. 103 of the Income Tax Act 1967 (Revised 1971) (Act 53)). Until today, the defendant simply refused to pay those taxes that were due ...

[44] Kes *Kerajaan Malaysia v. Ong Kar Beau* [2003] 1 LNS 188; [2003] 6 MLJ 225 memutuskan berikut:

> (1) The scheme of the Income Tax legislation is clear. Upon service of a notice of assessment on the person assessed, the tax payable under the assessment becomes due and payable at the place specified in the notice, whether or not that person appeals against the assessment. Failure to pay within the time prescribed would attract the provisions of the penalties provided for under ss. 103(4) and 103(5A) of the Act. The amount assessed and the penalty imposed may be recovered by way of civil proceedings as a debt due to the Government.

[45] Oleh yang demikian, defendan dalam kes ini telah gagal membayar jumlah cukai yang dibangkitkan oleh plaintif melalui notis taksiran bertarikh 7 Februari 2006. Plaintif juga telah mengemukakan sijil perakuan yang dikeluarkan di bawah s. 48(1).

[46] Seksyen 48(1) Akta CKHT 76 memperuntukkan:

> **Evidential provisions**
>
> 48.(1) In a suit under section 23 a certificate signed by the Director General giving the name and address of the defendant and the amount of the tax due from him shall be sufficient evidence of the amount so due and sufficient authority for the court to give judgment for that amount.

[47] Sijil bertarikh 15 Januari 2013 tersebut telah dengan jelas membuktikan pematuhan kepada peruntukan s. 48(1) yang mana sijil tersebut telah ditandatangani oleh PW3. Walaupun terdapat kesilapan nama defendan di dalam sijil tersebut yang ditulis sebagai TIMBANG MAKNUR bukannya TIMBANG MAKMUR, ianya tidak menjadikan sijil tersebut tidak sah kerana PW3 mengesahkan bahawa sijil tersebut ditujukan kepada defendan.

[48] Plaintif berhujah bahawa kesilapan tersebut tidak membatalkan sijil berkenaan dan merujuk kepada peruntukan s. 52 Akta.

[49] Seksyen 52 Akta CKHT 76 menyebut:

> **Errors and defects in assessments etc.**
>
> 52. (1) No assessment, notice or other document purporting to be made or issued for the purposes of this Act shall be quashed or deemed to be void or voidable for want of form, or be affected by any mistake, defect or omission therein, if:
>
> (a) it is in substance and effect in conformity with or according to the intent and meaning of this Act; and

A (b) the person to whom it is addressed and any other person referred to therein are designated according to common intent and understanding.

(2) A notice of assessment shall not be impeached or affected by reason of a mistake therein as to:

B (a) the name of the person liable; or

(b) the description of any chargeable gain or allowable loss,

so long as the notice of assessment is duly served on the person on whom it was intended to be served and contains in substance and effect the particulars on which the assessment is founded.

C

[50] Oleh itu saya setuju dengan peguam plaintif bahawa kesilapan ejaan nama defendan tidak membatalkan sijil perakuan menurut s. 52 Akta.

[51] Dalam kes *Government of Malaysia v. Lee Tain Tshung* [1991] 2 CLJ 1520; [1991] 2 CLJ (Rep) 664; [1992] 1 MLJ 629, Mahkamah Tinggi
D menyatakan berikut:

> Immediately upon the issuance of the certificate, the amount of income tax due could no longer be questioned and the certificate is sufficient authority for the court to give judgment for that amount.

E **[52]** Mahkamah juga memutuskan bahawa sijil yang dikeluarkan di bawah s. 48 adalah bukti yang mencukupi tentang amaun cukai yang terhutang oleh defendan. Kes *Government of Malaysia v. Dato' Mahindar Singh* [1995] 1 LNS 323; [1996] 5 MLJ 626 menyatakan sedemikian:

> F The said certificate is expressly provided to be sufficient evidence of the amount of taxes due from the defendant and gives the court sufficient authority to give judgment for the amount. The intention of the legislature is clearly to overcome any plea by any taxpayer as is now raised by the defendant herein in order to delay the payment of the tax. For the court to entertain such a plea would be to go against the express words of the Act.

G **[53]** Berdasarkan otoriti-otoriti dan peruntukan Akta CKHT 76, adalah jelas sijil perakuan yang dikeluarkan oleh plaintif di bawah s. 48 adalah bukti mencukupi keberhutangan oleh defendan.

Kesimpulan

H **[54]** Berdasarkan keterangan lisan saksi-saksi dan fakta yang dibentangkan dalam kes ini termasuk peruntukan undang-undang dan otoriti-otoriti, mahkamah berpendapat bahawa plaintif telah membuktikan kes mereka atas imbangan kebarangkalian bahawa defendan berhutang jumlah cukai keuntungan harta tanah terhadap plaintif. Oleh itu, jumlah tuntutan plaintif

I

sebanyak RM1,812,217 (prayer a) dengan kadar faedah 5% setahun atas jumlah tersebut dari tarikh penghakiman hingga penyelesaian penuh (prayer b) dibenarkan.

Kos

[55] Encik Ramesh Lachmanan pohon kos dibayar mengikut skala manakala Puan Noor Kamaliah Mohamad Japeri pohon RM10,000 sebagai kos. Saya benarkan kos sebanyak RM10,000 dibayar oleh defendan kepada plaintif.

Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos RM10,000.